

22/02/1997

Bekas MB Kelantan meninggal di Melbourne

KOTA BHARU, Jumaat - Bekas Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohamed Nasir, 82, meninggal dunia di Melbourne, Australia subuh tadi (waktu tempatan) dipercayai kerana serangan sakit jantung.

Cucu kepada Allahyarham, Kamaruddin Harun yang mengesahkan kematian Mohamed itu, berkata Allahyarham sedang bercuti dan menziarahi tiga anaknya yang melanjutkan pelajaran di negara berkenaan.

Beliau bagaimanapun tidak dapat memberi maklumat lanjut mengenai kematian Allahyarham itu tetapi sekadar menyebut bekas Menteri Besar itu memang menghadapi masalah jantung.

Allahyarham meninggalkan dua isteri dan 16 anak. Salah seorang isterinya ialah Zainab Ismail, 72.

Difahamkan dua anaknya berlepas ke Melbourne malam ini untuk mengendalikan urusan membawa balik jenazah yang dijangka dikebumikan di kampung Kubang Bemban, Jalan Meranti, Pasir Mas.

Malam ini, satu majlis tahlil diadakan di rumahnya di kampung Kubang Bemban itu.

Allahyarham pernah memegang jawatan sebagai Menteri Besar Kelantan pada 1973 apabila Pas menyertai Barisan Nasional (BN). Beliau ketika itu mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri Tendong di Pasir Mas.

Mohamed menubuhkan parti Berjasa pada 1977 apabila disingkir daripada Pas.

Allahyarham pernah memegang jawatan Menteri Tanpa Portfolio dalam Kabinet Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1982. Mohamed meletakkan jawatan itu pada Jun 1983. Allahyarham dilantik sebagai senator selama enam penggal berakhir 7 April 1984.

(END)